



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

# Ke mana Pegawai Pemantau Harga?

Oleh **MOHAMAD SHOFIMAT ISA**  
shofi.isa@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Kerajaan disaran menyerap 2,000 Pegawai Pemantau Harga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ke jawatan tetap bagi menjamin masa depan dan mengiktiraf peranan mereka.

Sehingga kini, pegawai terabit masih bertaraf kontrak sejak jawatan itu diwujudkan pada 1 April 2008 antara lain bagi memantau kenaikan dan penurunan harga barangan di pasaran.

Seramai 2,000 graduan berlatarbelakangkan akademik cemerlang dilantik memegang jawatan itu secara kontrak untuk perkhidmatan (CFS) dan disambung setiap tahun.

Pegawai Pemantau Harga di bawah Majlis Harga Barang Negara (MHBN) sejak itu menjadi 'mata dan telinga' kerajaan terutama dalam mengkaji senario kenaikan harga serta bekalan sama ada di peringkat pengilangan, pembekal, pemborong



**MOHD FIRDAUS ABDULLAH**

atau peruncit.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, atas sumbangan kepada negara dan sektor kepenggunaan, sudah sampai masanya kerajaan menyerap Pegawai Pemantau Harga ke jawatan tetap.

Jelasnya, sejak dilantik pada 2008, peranan pegawai yang bertaraf kontrak itu penting dalam membantu pegawai pengurusan kuasa kementerian menga-

## INFO

Lantikan pertama perkhidmatan Pegawai Pemantau Harga secara CFS di KPDNHEP dibuat pada 1 April 2008 untuk tempoh setahun sehingga 1 April 2009.

Setelah itu, perkhidmatan secara CFS diperbaharui sebanyak lima kali iaitu seperti berikut:

» Untuk tempoh satu tahun iaitu dari 1 April 2009 sehingga 31 Mac 2010 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2 (PRE2).

» Untuk tempoh satu tahun dari 1 April 2010 sehingga 31 Disember 2011 dengan

kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

» Untuk tempoh tiga tahun dari 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2015 dengan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

» Untuk tempoh tiga tahun iaitu dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2018 dengan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri.

» Untuk tempoh tiga tahun bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2021 dengan kelulusan Perdana Menteri.

musim perayaan.

"Jika mereka yang berpengalaman ini berhenti kerja atau mendapat pekerjaan baharu, ia merugikan Kementerian terutama bagi melatih pekerja baharu melaksanakan tugas itu," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Firdaus berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada September 2010 ketika menjawat jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pernah memohon kerajaan ketika itu menimbang menyerap Pegawai Pemantau Harga ke jawatan tetap.

"Inilah masanya untuk kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri menghargai jasa dan pengorbanan Pegawai Pemantau Harga kepada negara.

"Pegawai Pemantau Harga adalah sumber utama kerajaan dalam mengenal pasti kedudukan harga serta bekalan barangan tertentu kerana keupayaan mereka mendapatkan data-data primer daripada pembekal mahupun peruncit," katanya.

pemantauan harga barangan.


"Mereka wajar diserap kerana menjalankan tugas dengan berkesan membantu Kementerian dalam mengawal harga barang terutama pada musim-



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM5.99	• Telur Gred A	RM11.10	• Cili Merah	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM12.90	• Kubis Tempatan	RM2.90
• Daging Lembu Import	RM25	• Minyak Masak	RM6.50	• Tepung Candum	RM2.19
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Besar Holland	RM2.99		
• Bawang Putih	RM6.90				

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**New fuel prices**  
Oct 7 - Oct 13

RON95	<b>RM2.05</b> (unchanged)
RON97	<b>RM2.77</b> (+1 sen)
DIESEL	<b>RM2.15</b> (unchanged)

The image shows a rectangular sign with a red circular logo on the left containing a white fuel nozzle. The text is in black and red. The sign is divided into three horizontal sections by thin lines. The first section lists RON95 at RM2.05, which is unchanged. The second section lists RON97 at RM2.77, which is an increase of 1 sen. The third section lists DIESEL at RM2.15, which is unchanged.